

TARIKH	17 / MEI / 2012	EDISI	Nasional
MUKA SURAT	V3	RUANGAN	Supplement

Temui Ally Iskandar di UKM, esok

BANGI: Bakal graduan yang berminal untuk mengetahui rahsia kejayaan personaliti tersohor TV3, Ally Iskandar dijemput menghadiri Program Bimbingan Kerjaya TaHa@U Berita Harian (BH)-Tabung Haji (TH) di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Sabtu ini.

Ally yang mengacaraikan pelbagai program di TV3 termasuk buah bicara seperti Malaysia Hari Ini bakal mengupas pengalaman beliau sepanjang terbabit dalam dunia penyiaran pada 19 Mei ini, jam 11 pagi.

Program Bimbingan Kerjaya TaHa@U BH-TH itu anjuran Kelab TaHa@U bersempena dengan Ekspo Kerjaya UKM 2012 itu bermatlamat mendedahkan bakal graduan mengenai alam kerjaya termasuk kaedah terbaik untuk menggapai impian apabila bergraduasi kelak.

Selain Ally yang berkongsi pengalamannya, antara pengisian Program Bimbingan Kerjaya TaHa@U selama dua hari pada 18 dan 19 Mei ini ialah sesi temu bual bersama wakil BH dan TH, Forum Kerjaya, pencarian Ikon Varsiti.

Pelajar institusi pengajian



tinggi dijemput memeriahkan program berkenaan yang bermula jam 9 pagi hingga 5 petang.

Sementara itu, Ekspo Kerjaya UKM yang turut diadakan di DECTAR pada tempoh sama, akan menampilkan pelbagai acara menarik bagi penuntut institusi pengajian tinggi dengan pembabitan kira-kira 40 syarikat multinasional dan badan bukan kerajaan.

Antara aktiviti bakal diadakan ialah penulisan resume yang betul, cara terbaik untuk graduan tampil menarik dan juga temu bual kerja bersama syarikat yang terbabit dalam ekspo berkenaan.